

13/12/1999

Pelantikan Hamid tidak perlu dipersoal

KLANG, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempertahankan pelantikan semula Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, walaupun pemimpin itu tewas pada pilihan raya umum lalu.

Menurut Perdana Menteri, Dr Abdul Hamid menjalankan tugasnya dengan baik dan pelantikannya tidak seharusnya dipersoalkan oleh mana-mana pihak.

"Saya fikir dia boleh jalankan tugas itu. Dia kalah bukan kerana sebab itu tetapi sebab-sebab lain," katanya pada sidang akhbar selepas melawat kapal kontena terbesar dunia, Clifford Maersk di Pelabuhan Barat, di sini petang ini.

Dr Mahathir mengulas pendapat sesetengah pihak yang mempersoalkan pelantikan semula Dr Abdul Hamid.

Pihak berkenaan berpendapat Dr Abdul Hamid yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal Islam, gagal memainkan peranannya dalam mengurangkan pengaruh Pas, yang memainkan isu agama dengan meluas dalam kempen pilihan raya mereka.

Pada pilihan raya umum lalu, Dr Abdul Hamid tewas tipis di kerusi Parlimen Sik, Kedah, kepada penulis buku SHIT, Prof Datuk Shahnnon Ahmad yang mewakili Pas.

Mengenai tindakan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob tidak melantik bekas Timbalan Menteri Besar, Datuk Hasan Arifin sebagai anggota Exco Kerajaan Negeri, Dr Mahathir berkata ia menunjukkan barisan pemimpin baru perlu terdiri mereka yang mampu melaksanakan tugas.

Semalam, Adnan dilaporkan berkata Exco yang gagal menjalankan tanggungjawab, termasuk sebagai wakil rakyat akan dilucutkan jawatan mereka supaya digantikan dengan Adun lain.

Katanya, pelantikan sebagai ahli Exco bukan untuk satu tempoh tertentu kerana bergantung kepada prestasi kerja seperti dikehendaki pucuk pimpinan parti dan rakyat.

(END)